

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 31.07.2025 MASA: 12.30PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**PROGRAM FOREST BATHING SIRI 2 TAHUN 2025  
DAN PROGRAM GOTONG-ROYONG  
DI HUTAN SIMPAN BUKIT JURU  
OLEH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**3 OGOS 2025 (AHAD)  
8.00 PAGI**

**HUTAN SIMPAN BUKIT JURU  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Program Forest Bathing Siri 2 Tahun 2025 dan Program Gotong-Royong di Hutan Simpan Bukit Juru anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Perhutanan Pulau Pinang atas sokongan dan kebenaran yang diberikan bagi menjayakan penganjuran program ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada YBhg. Datuk Mohd Noor Bin Ahmad, Ahli Majlis MBSP, atas inisiatif dan komitmen YBhg. Dato' dalam mendorong pelaksanaan aktiviti gotong-royong ini.
3. Tidak dilupakan, ucapan tahniah dan penghargaan saya tujukan kepada seluruh warga kerja MBSP serta para peserta yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama mendukung aspirasi hijau dan lestari bandaraya ini. Sesungguhnya penyertaan tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan semangat kesukarelawanan dan kecintaan terhadap alam sekitar yang amat saya hargai.

4. *Forest Bathing* atau *Shinrin-yoku* yang mula diperkenalkan di Seberang Perai sejak tahun 2017, merupakan salah satu pendekatan inovatif MBSP dalam menggalakkan Gaya Hidup Sihat, selaras dengan Pelan Strategik Seberang Perai 2023–2030 serta mendokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang2030: A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation.*
5. Konsep *Forest Bathing* ini bukan sahaja menyokong kesihatan fizikal dan mental, malah merapatkan hubungan manusia dengan alam semulajadi yang kian terhakis akibat urbanisasi. Ia adalah satu bentuk terapi semulajadi yang amat sesuai diamalkan dalam dunia moden yang sering terdedah kepada tekanan dan gaya hidup tidak aktif.
6. Hutan Simpan Bukit Juru yang memiliki keluasan sekitar 150 hektar dan diwartakan sejak tahun 1981, merupakan lokasi yang amat ideal untuk aktiviti ini. Dengan lebih 3,000 jejak langkah untuk ke puncak dan pemandangan menakjubkan di atas bukit, kawasan ini berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan dan pusat riadah komuniti setempat.
7. Kawasan ini juga merupakan habitat kepada pelbagai spesies burung termasuk *Japanese Sparrowhawk*, *Collared Kingfisher* dan *Chestnut-headed Bee-eater*, menjadikan Bukit Juru sebagai destinasi *birding* yang berpotensi untuk diketengahkan dalam kalangan pencinta alam dan pelancong domestik mahupun antarabangsa.

8. Pelaksanaan program ini turut mengambil pendekatan *People-Centric* yang berpaksikan prinsip *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB), agar semua peringkat usia, jantina dan latar belakang masyarakat dapat turut sama menikmati manfaat yang holistik daripada setiap inisiatif yang dijalankan.
9. Usaha gotong-royong yang dilaksanakan hari ini bukan sahaja membersihkan kawasan dan meningkatkan nilai estetika, malah memperkuuh semangat kerjasama antara masyarakat, kakitangan MBSP dan pelbagai pihak berkepentingan. Keterlibatan kita bersama adalah cerminan kepada kesedaran kolektif dalam memelihara hutan bandar yang menjadi aset berharga kepada generasi akan datang.
10. Justeru itu, saya meletakkan harapan yang tinggi agar program seperti ini dapat diteruskan secara berstruktur dan lebih meluas ke lokasi-lokasi lain di seluruh Seberang Perai. MBSP komited untuk terus memperkasa pembangunan bandar yang sihat, hijau dan lestari melalui pendekatan yang inklusif dan mampan.
11. Akhir kata, saya menyeru semua peserta untuk menghayati sepenuhnya pengalaman hari ini; bukan semata-mata sebagai aktiviti fizikal atau riadah semulajadi, tetapi sebagai satu manifestasi penghargaan kita terhadap anugerah alam yang tidak ternilai ini. Semoga interaksi langsung dengan kehijauan hutan dan keindahan ciptaan Allah SWT ini dapat menyemai rasa tanggungjawab kolektif

dalam jiwa kita semua, agar terus memelihara khazanah alam untuk diwariskan kepada generasi masa hadapan. Sesungguhnya, bandaraya yang sihat dan lestari hanya dapat dibina apabila warganya hidup harmoni dengan alam sekeliling.

12. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Forest Bathing Siri 2 Tahun 2025** dan **Program Gotong-Royong di Hutan Simpan Bukit Juru.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***